

UTUSAN MALAYSIA 17/05/14

Tengku Azuan, Alimuddin terima anugerah tertinggi

KUALA LUMPUR 16 Mei - Penasihat Kluster Johor, Tengku Azuan Tengku Mohamed dan bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom masing-masing dipilih sebagai Tokoh Guru Kebangsaan dan Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan sempena sambutan Hari Guru 2014.

Anugerah bagi mengiktiraf sumbangan selama lebih 30 tahun dalam dunia pendidikan itu melayakkan mereka menerima wang tunai RM10,000, sijil simpanan premium bernilai RM8,000 dan pakej umrah pelancongan bernilai RM10,000.

Mereka turut menerima tiket penerbangan dua hala bersama pasangan masing-masing tajaan Malaysia Airlines (MAS), sijil penghargaan, pingat emas dan plak kecemerlangan diperbuat daripada emas.

Hadiah-hadiah tersebut disampaikan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin sempena majlis sambutan yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir dalam majlis itu ialah isteri Timbalan Perdana

Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan.

Tidak ketinggalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Dr. Madinah Mohamad; Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof.

Ketika ditemui, Tengku Azuan yang pernah menerima gred perkhidmatan tertinggi pentadbir sekolah iaitu Pengetua Cemerlang Jusa C bagi kohort pertama berkahla, petua yang mendorong beliau berjaya sebagai pendidik adalah sentiasa berusaha menjadi guru cemerlang dan berintegriti.

"Kalau guru itu mempunyai integriti, secara tidak langsung dia akan melakukan yang terbaik dan sekiranya guru itu menjalankan kerja dengan baik, maka saya percaya berlakulah transformasi ke arah kecemerlangan.

"Saya rasa amat seronok na-

mun tidak menjangka akan menerima anugerah ini, saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana penghargaan ini," katanya yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan dan mula berkhidmat sebagai guru pada 1976 sebelum bersara pada 2007.

Sementara itu, Alimuddin yang berasal dari Lumut, Perak dan mula berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changkat Jering pada 1976 berharap guru-guru muda dapat menjiwai tugas mereka untuk melahirkan pelajar yang cemerlang pada masa depan.

"Saya berpendapat warga pendidik perlu meningkatkan usaha mereka memandangkan banyak kemudahan yang diberi oleh kerajaan dalam mengiktiraf jawatan guru, antaranya pendapatan yang lebih tinggi dan kenaikan pangkat.

"Selain itu, kemudahan yang mereka miliki sekarang sangat baik termasuklah sistem perhubungan serta infrastruktur yang hampir lengkap di semua sekolah. Maka, saya harap mereka dapat laksanakan tugas dengan baik," katanya yang bersara pada 2010.